



## BERITA PROJEK DAN KOMUNITI

Buletin ini akan menjadi salah satu cara atau kaedah untuk berkongsi maklumat terkini mengenai Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut bersama komuniti setempat

### Rakan Kerjasama Projek

Projek Kerjasama



Rakan Kerjasama



**Dalam keluaran ini, kami akan mengongsikan:**

- Laporan Akhir Tahun
- Ringkasan Laporan Pemantauan kedua (MR2)
- Cara membuat Aduan





## 1. LAPORAN AKHIR TAHUN

Menjelang penghujung tahun ini, kami ingin berkongsi beberapa aktiviti utama dan perkembangan projek Kuamut bersama rakan komuniti.

Dalam keluaran lepas, kami telah menerangkan tentang kepentingan karbon dan peranan projek ini dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. Untuk memastikan projek KRCP ini dapat disahkan (verified) oleh pihak ketiga atau pemunya pempiawaan, semua dokumen rasmi harus disediakan dengan lengkap dan dikongsikan bersama pihak berkepentingan.

Oleh yang demikian, pihak projek telah menyediakan ringkasan terbaru bagi Laporan Pemantauan Kedua, yang turut dilampirkan bersama buletin ini dan akan dicetak serta diedarkan di setiap kluster komuniti. Anda juga boleh melayari laporan tersebut melalui laman **sesawang Komuniti KRCP**.



**Kuamut Rainforest Conservation  
Projek Pusat Ilmu Komuniti**



## **Ringkasan Aktiviti Sepanjang Tahun**

**Februari 2025** – Lawatan juruaudit.

**Mac 2025** – Sistem bekalan air bersih di Kampung Kuamut dan Tangkuyan telah dibaiki selepas kerosakan paip air akibat banjir.

**April 2025** – Latihan berkenaan Sosio-Ekonomi untuk komuniti di kedua-dua kluster.

**April 2025** – Mesyuarat dengan Guru Besar sekolah rendah; penilaian sistem air graviti di Karamuak Luar; dan perbincangan mengenai penaiktarafan sistem air di Karamuak Dalam.

**Julai 2025** – Mesyuarat dengan Jawatankuasa KRCP Karamuak Luar bagi persiapan pembinaan Sistem Air Graviti Komuniti.

**Ogos 2025** – Latihan peningkatan keupayaan penghasilan kerepek pisang di Karamuak Dalam.

**Ogos 2025** – Latihan pembangunan perniagaan – pertanian termasuk tanaman kunyit dan lain-lain.

**Sept 2025** – Bot ambulans komuniti telah didaftarkan dengan rasmi dengan pihak kerajaan tempatan. Bot ini telah digunakan untuk menghantar dan membawa balik pelajar dari Kampung Kuamut pergi dan balik dari sekolah menengah di Bukit Garam.

**Okt 2025** – Bengkel pembentukan Jawatankuasa Sosio-Ekonomi Kluster Kuamut dan penyediaan rancangan aktiviti bersama komuniti.



**Okt 2025** – Pasukan biodiversiti projek memasuki kawasan projek untuk pelaksanaan kerja pemantauan hidupan liar.

**Okt 2025** - Pembentangan Laporan Aduan Tahun 2024.

**Okt/Nov 2025** – Bengkel pengurusan sisa pepejal telah diadakan, di mana komuniti telah diberi pendedahan kepada isu sisa pepejal termasuk pengasingan, guna semula dan kitar semula bagi barangan buangan.

**Okt/Nov 2025** - Bangunan Pejabat KRCP di Kuamut

**Nov 2025** - Pembentangan laporan MR2 dan sesi maklum balas komuniti bersama kluster Kuamut dan Karamuak.

**Nov 2025** - Sesi praktikal komuniti mengenai pembuatan penghalau serangga mesra alam untuk Kuamut dan Karamuak.

**Nov 2025** - Sesi perbincangan and bengkel bersama komuniti berkenaan dengan hidupan liar di kawasan Kuamut, terutamanya mengenai kumpulan beruk, kera dan orang utan.

**Nov 2025** - Penghantaran bahan-bahan untuk pembinaan tapak tangki air sistem graviti bagi komuniti Karamuak Luar.

**Dec 2025** -Latihan pengukuhan kepimpinan belia

**Dec 2025** - Vaksinasi tifoid telah bermula.

**Dec 2025** - Latihan Media dan Retreat Kakitangan di, Togudon, Penampang.





Bengkel Pembentukan Jawatankuasa Sosio-Ekonomi Kluster Karamuak dan Perancangan Aktiviti.



Bengkel Pembentukan Jawatankuasa Sosio-Ekonomi Kluster Kuamut dan Perancangan Aktiviti.







## 2. RINGKASAN LAPORAN PEMANTAUAN

### Ringkasan Laporan Pemantauan Kedua 01 Januari 2022 – 31 Disember 2023 Kuamut Rainforest Conservation Project, VCS 2609

Ringkasan ini menerangkan apa yang telah dijalankan dengan jayanya oleh projek sepanjang tahun 2022–2023. Dokumen ini memaparkan hasil pencapaian serta proses pemantauan dan audit projek yang lepas.

#### Proses Penyediaan Perlaporan Pemantauan Kedua (MR2) KRCP

Laporan Pemantauan kedua (MR2) ini telah disediakan berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan hasil pencapaian daripada aktiviti tersebut. Laporan ini telah dihantar kepada pihak VERRA selaku pemunya sistem pempiawaian VCS dan CCB dan telah disemak dan disahkan oleh sebuah juru audit bebas. Maklumat yang dinyatakan merupakan ringkasan yang dipermudahkan untuk tujuan penyampaian kepada pihak komuniti dan rakan-rakan projek.

Sumber maklumat termasuk:

- Rekod rundingan komuniti, dokumen FPIC, dan minit mesyuarat
- Rekod pemantauan pekerjaan dan aktiviti penjana pendapatan
- Rekod pemantauan biodiversiti dan kajian spesies
- Log kemajuan sistem air bersih, perkhidmatan kesihatan, dan infrastruktur

Semua maklumat dalam laporan ini telah disahkan melalui proses audit Verra.

Dokumen teknikal penuh MR2 boleh dirujuk di sini: [01 Jan 2022 - 31 Dis 2023 MR 2](#)

#### Pencapaian Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut:

- Kewujudan pekerjaan dan peningkatan pendapatan – melalui latihan, perniagaan kecil, dan sokongan kewangan.
- Suara komuniti yang lantang – melalui jawatankuasa kecil/tempatan dan keputusan yang adil dan saksama.
- Perkhidmatan kesihatan dan sistem air bersih yang dipertingkatkan – melalui bot ambulan baharu dan pembinaan sistem penyaluran air bersih.
- Menjaga hutan dan hidupan liar kita – Melalui perlindungan kawasan hutan sekeliling yang penting.
- Hubungan kerjasama – dengan Jabatan Perhutanan Sabah, Yayasan Sabah, dan komuniti tempatan berkongsi manfaat dan mengurangkan kerugian.



### 3. MEKANISME PENYALURAN ADUAN

Ini adalah peringatan bahawa kita mempunyai proses untuk menyalurkan aduan secara rasmi bagi Projek ini. Proses ini membolehkan komuniti menyuarakan sebarang kebimbangan dan aduan yang dialami kepada pihak projek.


Kotak aduan dan borang aduan disediakan di setiap kampung untuk mengemukakan aduan tanpa memberi nama. Kotak-kotak ini akan diperiksa setiap 2 minggu. Sebagai alternatif, anda boleh WhatsApp atau hubungi nombor ini: 011-71123701.

Sekiranya anda ingin tahu lebih lanjut, sila jangan segan untuk bertanya kepada wakil lapangan projek di kampung anda atau mana-mana kakitangan projek.

Sila rujuk ringkasan prosedur aduan kami di bawah dalam.



#### PROSES PENYELESAIAN ADUAN BAGI PROJEK KONSERVASI HUTAN HUJAN ' KUAMUT (KRCP)






**KOPIVOSIAN dan salam sejahterah kepada semua!**

**Terima kasih atas peluang ini untuk menyumbang kepada Buletin KRCP. Bagi pihak PACOS, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pemimpin komuniti, wanita, belia serta rakan-rakan kerjasama atas kerjasama semua sepanjang tahun ini. Saya berharap kita akan terus berganding bahu dalam usaha memelihara Hutan Hujan Kuamut untuk generasi akan datang. Semoga semangat kebersamaan ini memperkukuh tanggungjawab bersama dalam menjaga hutan dan kesejahteraan masyarakat.**

**Selamat menyambut Hari Natal dan Tahun Baru 2026!!!**



**PACOS Trust**



**Menjelang akhir tahun 2025, pasukan di Permian Global ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada anda dan setiap ahli keluarga, rakan-rakan dan jiran-jiran anda, yang memainkan peranan penting dalam kejayaan Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut.**

**Melalui projek ini, kita bersama-sama membina satu usaha untuk melindungi landskap hutan yang amat berharga, sambil pada masa yang sama mencipta peluang untuk anda – komuniti yang tinggal dekat dengan hutan ini.**

**Ini merupakan satu kerjasama jangka panjang, yang mana kami komited sepenuhnya. Kami sangat bersyukur kerana anda berada dalam perjalanan ini bersama kami, dan kami teruja untuk melihat apa yang dapat kita capai bersama pada tahun 2026.**

**Daripada kami semua, selamat bercuti dan selamat menyambut Tahun Baharu.**



**SELAMAT MENYAMBUT MUSIM PERAYAAN DAN KAMI  
BERHARAP DAPAT MENERUSKAN KERJASAMA YANG ERAT  
PADA TAHUN HADAPAN.**




**SALAM HORMAT,  
RAKAN-RAKAN PROJEK**



Dalam buletin lepas, kami telah kongsi pautan ke Pusat Ilmu Komuniti yang baru. Kami ingin memastikan semua info penting tentang projek mudah dicapai oleh semua. Bagaimanakah cara kami boleh memudahkan anda? Sekiranya anda mempunyai sebarang idea atau cadangan, sila kongsi dalam kumpulan WhatsApp atau terus kepada wakil lapangan anda.



<https://permianglobal.com/kuamut-rainforest-conservation-project-community/>



Jika anda ingin menjadi sukarelawan atau membantu dalam mana-mana bengkel di komuniti, sila hubungi wakil lapangan anda.

**SILA HUBUNGI KAMI JIKA ANDA INGIN MENYUMBANG  
KEPADA BAGI BULETIN INI. SETERUSNYA AKAN  
DITERBITKAN PADA BULAN APRIL**

**SILA HUBUNGI WAKIL STAF LAPANGAN KLUSTER  
ANDA**

**WAKIL KLUSTER KERAMUAK  
+60 11-3330 6330 (WILMA)**

**WAKIL KLUSTER KUAMUT  
+60 11-2390 4442 (MELIA)**



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
[www.permianglobal.com/kuamutrainingforestconservationproject](http://www.permianglobal.com/kuamutrainingforestconservationproject)  
email: [kuamutproject@permianglobal.com](mailto:kuamutproject@permianglobal.com)